



SEKSYEN 4 (a) AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

ALHE

V.

**KETUA PENGARAH HASIL DALAM NEGERI
PKCP 700-7/1/394-395/2020**

 PESURUHJAYA KHAS CUKAI PENDAPATAN

 PUAN FAJRUL SHIHAR BINTI ABU SAMAH

 11 OGOS 2023

Pembayar Cukai adalah seorang akauntan bertauliah, juruaudit dan juga ejen cukai sepenuh masa. Pada tahun 2015 dan 2016, Pembayar Cukai telah melupuskan dua (2) hartanah (*The Light Point* dan *The Light Point Collection*) (“kedua-dua hartanah tersebut”) dan telah diberikan

pengecualian cukai keuntungan harta tanah oleh Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri (“KPHDN”). Namun, KPHDN telah menemui isu bahawa kedua-dua hartanah yang dilupuskan tidak tertakluk kepada cukai keuntungan harta tanah tetapi merupakan penerimaan dagangan di bawah seksyen 4 (a) Akta Cukai Pendapatan 1967 (“ACP1967”). Notis Taksiran Tambahan bagi tahun taksiran 2015 dan 2016 bertarikh 16.06.2019 telah dibangkitkan oleh KPHDN.

Pembayar Cukai berhujah bahawa pembelian kedua-dua hartanah tersebut adalah bagi tujuan pelaburan dengan niat untuk menambah modal jangka masa panjang dan bukannya tujuan perdagangan hartanah. Pembayar Cukai adalah seorang akauntan bertauliah dan tidak mempunyai masa untuk melibatkan diri dalam perdagangan lain. Pembayar Cukai juga turut berhujah bahawa tiada petanda dagangan yang dapat dibuktikan dan juga tiada niat untuk berdagang apabila Pembayar Cukai memperolehi kedua-dua hartanah tersebut.

Pembayar Cukai turut menegaskan bahawa tujuan pembelian kedua-dua hartanah tersebut adalah bagi pelaburan jangka masa panjang dan ini dapat dibuktikan menerusi pinjaman bank bagi tempoh 30 tahun yang diambil oleh Pembayar Cukai. Pembayar Cukai juga tidak ada membuat sebarang ubah suai terhadap kedua-dua hartanah tersebut untuk tujuan meningkatkan nilai hartanah dan keputusan untuk melupuskan hartanah tersebut hanya dibuat oleh Pembayar Cukai disebabkan harga pelupusan menarik ditawarkan oleh ejen harta tanah.

Manakala, KPHDN menghujahkan bahawa Pembayar Cukai mempunyai kepakaran dalam industri hartanah kerana Pembayar Cukai adalah seorang pengarah dan pemegang saham bagi beberapa buah syarikat yang mana aktiviti perniagaan syarikat tersebut adalah merupakan pelaburan dan pembangunan hartanah. Pembayar Cukai telah menggunakan kemahiran dan pengetahuan beliau dalam industri hartanah dan juga sebagai ejen cukai untuk merancang pemerolehan dan pelupusan secara teratur bagi tujuan pengelakan cukai, memandangkan pelupusan telah dibuat selepas tempoh enam (6) tahun. KPHDN juga turut berhujah jika pembelian kedua-dua hartanah tersebut adalah bagi tujuan pelaburan dan penambahan modal seperti didakwa Pembayar Cukai, maka tentunya Pembayar Cukai akan menyewakan kedua-dua hartanah tersebut sepanjang tempoh tanah tersebut dipegang.

KPHDN juga berhujah bahawa Pembayar Cukai telah melupuskan enam (6) hartanah miliknya sepanjang tahun 2010 hingga 2016 dan setiap hartanah yang dipegang adalah tidak melebihi tempoh enam (6) tahun. Ini menunjukkan Pembayar Cukai sememangnya mempunyai niat untuk berdagang.

Setelah mendengar hujahan dan meneliti dokumen kedua-dua pihak, Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan memutuskan bahawa Pembayar Cukai telah berjaya membuktikan bahawa taksiran tambahan yang dibangkitkan oleh KPHDN bagi tahun taksiran 2015 dan TT 2016 adalah tidak betul dan berlebihan. Pembayar Cukai telah berjaya membuktikan rayuannya selaras dengan perenggan 13 Jadual 5 ACP 1967 dan diputuskan juga bahawa KPHDN tidak mempunyai asas undang-undang dan fakta untuk mengenakan penalti menurut seksyen 113(2) ACP 1967.

Nota Editor

KPHDN berhak untuk memfailkan rayuan terhadap keputusan Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan ke Mahkamah Tinggi dalam tempoh 21 hari dari tarikh keputusan diberikan.